



## FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU3142 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2**

Trimester & Year : September - December 2024

Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain

Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:

PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.

PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)

2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 11 (Including the cover page)**

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 markah)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

**Tempat-tempat Penting di Universiti Saya**

Hai, nama saya David! Saya mahu bercerita tentang tempat-tempat penting di universiti saya. Nama universiti saya ialah Universiti Putra Malaysia. Di sini, ada beberapa tempat penting yang selalu saya pergi.

Pertama, perpustakaan universiti saya yang sangat besar. Nama perpustakaan ini ialah Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Di sini, saya dan kawan-kawan sering datang untuk membaca buku dan membuat tugas. Perpustakaan ini mempunyai banyak buku dan bahan rujukan yang membantu kami belajar dengan lebih baik.

Seterusnya, universiti saya juga mempunyai pusat sukan yang lengkap. Saya suka ke gimnasium selepas kelas untuk bersenam. Selain gimnasium, ada kemudahan kolam renang dan gelanggang sukan, seperti bola sepak dan badminton. Saya sangat suka bersukan kerana bersukan membantu saya kekal sihat dan cergas. Selain itu, ada kafeteria di universiti. Kafeteria ini menyediakan pelbagai jenis makanan yang sedap dan harganya juga murah. Saya dan rakan-rakan sering makan di sini selepas kelas. Keistimewaananya, makanan yang dijual di sini sesuai untuk pelajar dari pelbagai negara. Jadi, semua orang boleh menikmati makanan di sini.

Saya sangat seronok dapat belajar di universiti ini kerana kemudahannya yang lengkap dan suasannya yang selesa.

1. Di manakah David belajar? **(2 markah)**
2. Apakah nama perpustakaan Universiti Putra Malaysia? **(2 markah)**
3. Namakan **DUA (2)** kemudahan di pusat sukan universiti. **(2 markah)**
4. Apakah keistimewaan kafeteria universiti? **(2 markah)**
5. Mengapa David sangat suka bersukan? **(2 markah)**

### **Petikan (ii)**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

- Natasya: Hai, Imran! Awak pernah melancong di dalam Malaysia?
- Imran: Hai, Natasya! Ya, saya pernah pergi ke beberapa tempat. Malaysia ada banyak tempat menarik.
- Natasya: Betul! Saya suka pergi ke Pulau Langkawi. Pantainya sangat cantik dan ada banyak aktiviti air.
- Imran: Oh, saya pun pernah ke Langkawi. Saya suka melawat tempat bersejarah di sana, seperti Makam Mahsuri. Sangat menarik!
- Natasya: Selain Pulau Langkawi, awak pernah pergi ke Cameron Highlands?
- Imran: Ya, saya pernah. Udara di Cameron Highlands sejuk. Saya suka pergi ke ladang teh dan kebun strawberi. Awak pernah ke sana?
- Natasya: Pernah. Kita boleh petik strawberi sendiri. Selain itu, saya juga suka makan aiskrim strawberi di sana.
- Imran: Bagaimana dengan Kuala Lumpur. Di sana, ada banyak pusat beli-belah dan tempat menarik, seperti Menara KL dan Menara Berkembar Petronas.
- Natasya: Ya, betul. Sebenarnya, saya dilahirkan di Kuala Lumpur. Nanti saya bawa awak melawat Petrosains, Aquaria KLCC, dan Zoo Negara. Tentu awak suka.
- Imran: Wah, seronoknya! Saya harap dapat peluang pergi ke sana nanti. Saya akan hubungi awak apabila sampai di sana.
- Natasya: Baiklah.

1. Siapakah yang pernah pergi ke Pulau Langkawi? **(2 markah)**
  
2. Apa yang Natasya suka lakukan di Pulau Langkawi? **(2 markah)**
  
3. Apakah **DUA (2)** tempat menarik yang disebut oleh Imran di Kuala Lumpur? **(2 markah)**
  
4. Di manakah Natasya dilahirkan? **(2 markah)**
  
5. Apakah **DUA (2)** tempat yang Natasya rancang untuk bawa Imran lawati di Kuala Lumpur? **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 markah)**

a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini:

- I. datang (**2 markah**)
- II. pulang (**2 markah**)
- III. melawat (**2 markah**)
- IV. masuk (**2 markah**)
- V. duduk (**2 markah**)

(10 markah)

b) Terjemahkan petikan berikut ke dalam bahasa Inggeris.

1. Adik perempuan saya lebih tinggi daripada saya.
2. Umur ibu Umar ialah 42 tahun.
3. Rajesh berasal dari India.
4. Saya tidak ada agama.
5. Hassan sedang menulis nota Bahasa Melayu.
6. Kelas saya bermula pada jam 9.00 pagi.
7. Khairi dan Isa bersarapan di restoran ABC.
8. Bapa suka makan mi goreng yang pedas.
9. Air strawberi itu sangat manis.
10. Kawan saya suka membaca buku Harry Porter.

(20 markah)

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 markah)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan tentang **“Keluarga Saya”**.

ATAU;

2. Tuliskan aktiviti yang kamu lakukan pada waktu lapang.

**(20 markah)**